



1. JAWATAN	: SETIAUSAHA KEDUA
KEMENTERIAN/JABATAN	: KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: TIGA (03)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding atau Kelulusan Profesional dalam bidang bersesuaian.
2. Mempunyai bidang Lughah Arabia / Syariah Islamiah / Usuluddin adalah satu kelebihan.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Asing adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SETIAUSAHA KEDUA:

1. Meningkatkan kepentingan Negara melalui perhubungan dengan Negara-Negara lain diperingkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan juga melalui pertubuhan-pertubuhan berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli.
2. Mengikuti, membuat kertas kerja serta penilaian dan cadangan kedudukan Negara terhadap perkembangan dua hala, serantau dan antarabangsa di bidang-bidang seperti politik, keselamatan, ekonomi dan sosial.
3. Membuat penyelidikan dan menyediakan kertas kerja mengenai cadangan dan sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan penubuhan hubungan diplomatik dengan Negara luar.



4. Menyediakan brief dan laporan untuk sesuatu lawatan tertentu dan mesyuarat-mesyuarat dua hala dan berbagai hala serta mengambil tindakan-tindakan lanjut terhadap mesyuarat-mesyuarat yang telah dihadiri.
5. Membuat kerja-kerja protokol seperti dalam bidang majlis, lawatan pembesar-pembesar Negara ke luar negeri, lawatan pembesar-pembesar asing ke Negara Brunei Darussalam, hal ehwal konsular dan kebijikan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negeri termasuk pengurusan passport, visa dan sebagainya.